A

PP lwn. MAHALECHEMY MUTHUSAMY

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABDUL FAREED ABDUL GAFOOR PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-34-08-2025]
2 SEPTEMBER 2025

B

Abstrak – *Seorang hakim mahkamah rendah hanya boleh mengeluarkan perintah melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) atas kuasa sendiri setelah mendapati pertuduhan terhadap tertuduh tidak berasas. Dalam keadaan Mahkamah Sesyen tidak membuat dapatan tersebut dan pihak pendakwaan tidak memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan dengan kes, perbicaraan sepatutnya diteruskan.*

C

D

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen – Perintah melepaskan tanpa membebaskan – Sama ada pertuduhan terhadap tertuduh berasas – Sama ada perintah salah, tidak teratur dan melangkaui bidang kuasa – Kanun Tatacara Jenayah, s. 173(g) – Akta Keterangan 1950, s. 103*

E

F

Di Mahkamah Sesyen, tertuduh ('OKT') telah dituduh dengan dua pertuduhan bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM'). Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) OKT atas kegagalan pihak pendakwaan ('PP') setakat itu untuk mengemukakan barang kes melalui saksi pendakwaan, sebuah telefon bimbit jenis OPPO yang diserahkan oleh OKT kepada pegawai tangkapan semasa penggeledahan di rumah OKT. Berdasarkan kegagalan tersebut, HMS telah memberikan perintah DNAA. Terkilan dengan perintah tersebut, pihak PP telah memfailkan surat semakan. Isu yang timbul adalah sama ada perintah DNAA oleh HMS teratur.

Diputuskan (mengetepikan perintah DNAA):

G

(1) Hakim mahkamah rendah hanya boleh mengeluarkan perintah DNAA atas kuasa sendiri setelah mendapati pertuduhan terhadap tertuduh atas tertuduh tidak berasas (groundless) sepertimana peruntukan s. 173(g) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Dalam tindakan ini, pada peringkat Mahkamah Sesyen, pihak pendakwaan tidak memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan dengan kes mahupun pihak HMS membuat dapatan bahawa pertuduhan atas tertuduh adalah tidak berasas (groundless) sepertimana peruntukan s. 173(g) KTJ. Malah pihak pendakwaan bersedia untuk meneruskan perbicaraan pada hari tersebut dengan saksi seterusnya. Dalam keadaan tersebut, sepatutnya HMS meneruskan dengan perbicaraan kerana beban pembuktian dan mengemukakan keterangan terletak pada pihak selaras s. 103 Akta Keterangan 1950 dan membuat perintah yang sewajarnya di akhir kes pendakwaan. Pendekatan ini pendakwaan lebih praktikal dan lebih

H

I

menguntungkan OKT berbanding dengan perintah (DNAA) yang meninggalkan OKT dalam keadaan tergantung tanpa tali di mana pada bila-bila masa OKT boleh ditangkap semula dan didakwa semula atas kesalahan yang sama. (perenggan 39-41)

(2) Kes ini bukanlah kes yang terlalu lama, dan beberapa penangguhan oleh kedua-dua pihak atas alasan kesihatan. Malah HMS sendiri telah menangguhkan perbicaraan atas alasan menghadiri mesyurarat. Jika pun ada kelewatan, ini perlu dipertimbangkan dengan pertuduhan yang serius terhadap OKT bawah ATIPSOM. Seterusnya, ketiadaan telefon bimbit sebagai bahan bukti perlu dilihat daripada 'weight attached to it' berdasarkan tuduhan bawah ATIPSOM. Oleh itu, HMS telah terkhilaf dalam memberikan perintah DNAA yang tidak teratur dan menyalahi peruntukan KTJ. (perenggan 42-44)

(3) Perintah DNAA yang dikeluarkan oleh HMS adalah salah, tidak teratur dan melangkaui bidang kuasa beliau. Berikutan itu, adalah wajar bagi mahkamah ini untuk campur tangan dengan menggunakan bidang kuasa semakan yang diperuntukkan dalam KTJ. Oleh demikian, perintah DNAA oleh hakim bicara diketepikan dan perbicaraan hendaklah diteruskan di hadapan hakim bicara baharu. (perenggan 46 dan 47)

Kes-kes yang dirujuk:

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Long Samat & Ors v. PP [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80 FC ***(dirujuk)***
PP v. Ambika MA Shanmugam [2019] 7 CLJ 518 HC ***(dirujuk)***
PP v. Audrey Keong Mei Cheng [1997] 4 CLJ 702 CA ***(dirujuk)***
PP v. Kulasingam [1974] CLJU 118; [1974] 1 LNS 118 HC ***(dirujuk)***
PP v. Syed Abdul Bahari Shahabuddin [1975] CLJU 137; [1975] 1 LNS 137 HC ***(dirujuk)***
PP v. Zainuddin Sulaiman & Ors [1986] 1 CLJ 468; [1986] CLJ (Rep) 232 SC ***(dirujuk)***
R v. Lachiram ILR 28 Bom 533 ***(dirujuk)***
Re Soo Leot [1955] CLJU 127; [1955] 1 LNS 127 HC ***(dirujuk)***
Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja v. PP [2022] 8 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling Of Migrants Act 2007, s. 12
Courts of Judicature Act 1964, ss. 31, 35(1), 36
Criminal Procedure Code, ss. 172B(4), 173(f), (g), 254(1), (2), (3), 323(1), 325(1), (2), 326, 376(1)
Evidence Act 1950, s. 103
Federal Constitution, art. 145(3)

Bagi pihak pemohon - Nur Diyana Zubir & Amirah Tasnim; TPR
Bagi pihak responden - Jagveer Singh Barriar & Mu'az Zulkarnian; T/n Veer & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Abdul Fareed Abdul Gafoor PK:

[1] Pada 21 Ogos 2025, Pendakwa Raya (PP) telah memfailkan semakan jenayah terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) bertarikh
B 20 Ogos 2025 untuk melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) tertuduh (OKT) terhadap dua tuduhan dalam tindakan tersebut.

[2] Setelah meneliti permohonan daripada PP, mahkamah ini bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan semakan ini memandangkan Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk memastikan
C undang-undang jenayah dikendalikan dengan sewajarnya oleh mahkamah rendah.

[3] Ini telah ditekankan oleh Abdul Hamid CJ (Malaya) di dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ di ms. 70:

D

> Duty of High Court - Basically, the duty lies with the High Court to see that the criminal law is properly administered by an inferior court. The Judge's duty is to satisfy himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order, recorded or passed and as to the regularity of any proceedings of such inferior court. Where, for instance,
> E a convicted person has scrupulous objection to invoke the jurisdiction of a High Court, either on a question of legality of conviction or error of law concerning the conviction or sentence, the Judge ought to call for and examine the record with a view to exercising the revisionary power to correct a miscarriage of justice.

F **[4]** Dalam kes *PP v. Kulasingam* [1974] CLJU 118; [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (pada ketika itu) menyatakan tentang kuasa seliaan (supervisory) Mahkamah Tinggi:

> The powers of the High Court in revision are amply provided under s. 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss. (ii) and (iii)
> G thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of "paternal or supervisory jurisdiction" in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower Court should be interfered with in the interest of justice.

H

Latar Belakang

[5] Di Mahkamah Sesyen, OKT telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) pada 28 November 2023.

I

Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 AKTA 670

12. Kesalahan pemerdagangan orang

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak atau yang bukan seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

[6] Kertas pertuduhan Kes No: JA-62ATIP-14-11-2023 (setelah dipinda) adalah seperti berikut:

Bahawa kamu sekitar bulan Januari tahun 2020 hingga 21-02-2022 di alamat no 19, Jalan Uda Utama 7/3, Bandar Uda Utama, 81200 Johor Bahru dalam Negeri Johor Darul Takzim telah memperdagangkan 1 perempuan warganegara Indonesia (Nama: Oyoh Suci, berumur 47 tahun. No. Passport:Tiada) bagi maksud eksploitasi kerja dengan cara (penggunaan kekerasan dan penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan perdagangan orang) dan dengan itu telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 12 Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 dan boleh dihukum dibawah Seksyen yang sama.

[7] Kertas pertuduhan Kes No. JA-62ATIP-15-11-2023 (setelah dipinda) adalah seperti berikut:

Bahawa kamu pada 22-02-2022 hingga 19-10-2023 di alamat no 19, Jalan Uda Utama 7/3, Bandar Uda Utama, 81200 Johor Bahru dalam Negeri Johor Darul Takzim telah memperdagangkan 1 perempuan warganegara Indonesia (Nama: Oyoh Suci, berumur 47 tahun. No. Passport: Tiada) bagi maksud eksploitasi kerja dengan cara (penggunaan kekerasan dan penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan perdagangan orang) dan dengan itu telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 12 Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 dan boleh dihukum dibawah Seksyen yang sama.

[8] Pengamatan prosiding RVT dan minit di Mahkamah Sesyen menunjukkan HMS telah melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) OKT di atas kegagalan pihak pendakwaan (PP) setakat itu untuk mengemukakan barang kes melalui saksi pendakwaan, sebuah telefon bimbit jenis OPPO yang diserahkan oleh OKT kepada pegawai tangkapan semasa penggeledahan di rumah OKT. Berdasarkan kegagalan tersebut, HMS telah memberikan perintah DNAA. Terkilan dengan perintah tersebut, pihak PP telah memfailkan surat semakan.

A **Bidang Kuasa Semakan**

[9] Bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk melakukan penyemakan telah dinyatakan secara jelas dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 (KTJ) seperti berikut:

B Akta Mahkamah Kehakiman 1964

31. The High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure.

35. (1) In addition to the powers conferred on the High Court by this or
C any other written law, the High Court shall have general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it appears desirable in the interests of justice, either of its own motion or at the instance of any party or person interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court,
D call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.

[10] Kuasa semakan hendaklah digunakan secara berhemah dan perlu kekal sebagai kuasa budi bicara yang dilaksanakan bagi tujuan membetulkan salah
E laku keadilan (miscarriage of justice) yang timbul daripada keputusan mahkamah rendah:

S. 325 Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 (KTJ)

Kuasa Hakim semasa penyemakan 325

F (1) Seseorang Hakim boleh, dalam apa-apa kes yang rekod prosidingnya telah diminta olehnya sendiri atau yang selainnya sampai kepada pengetahuannya, menurut budi bicaranya menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan oleh seksyen 311, 315, 316 dan 317 Kanun ini.

[11] Dalam melaksanakan kuasa budi bicara untuk mendengar semakan,
G mahkamah telah berpandukan prinsip undang-undang yang terpakai sepertimana digariskan oleh Jenkins CJ di dalam kes *R v. Lachiram* ILR 28 Bom 533 bahawa:

... this controlling power of the Court is a discretionary power and it must be exercised with regard to all the circumstances of each particular case,
H anxious attention being given to the said circumstances, which vary greatly ...

[12] Selanjutnya di dalam kes *Re Soo Leot* [1955] CLJU 127; [1955] 1 LNS 127; [1956] MLJ 54, Buhagiar J telah mengikuti prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh Jenkins CJ dalam *R v. Lachiram* (*supra)*, yang memutuskan
I bahawa:

that the powers of the High Court in revision are exercisable at the discretion of the Court and that discretion is untrammelled and free, so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case.

[13] Mahkamah juga berpandu kepada s. 325(1) KTJ di mana frasa 'boleh' memberi kuasa kepada hakim untuk menggunakan budi bicara dalam melaksanakan kuasa semakan. Berdasarkan peruntukan ini, dapat difahami bahawa prinsip keadilan umum mencadangkan bahawa kuasa untuk melaksanakan semakan adalah sepenuhnya di atas budi bicara hakim.

[14] Bidang kuasa semakan adalah untuk memastikan perintah dan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah rendah adalah betul, sah, bersesuaian dan prosiding yang dijalankan adalah teratur. Di dalam kes *PP v. Audrey Keong Mei Cheng* [1997] 4 CLJ 702, Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

In exercising his powers under s. 325 of the CPC, the learned judge has to satisfy himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of the inferior court. In order to do this, he has to examine the record of the proceedings of which has been called for by himself or, as in this case, which otherwise comes to his knowledge. In exercising his discretion, the learned judge ought to confine himself only to the record of the proceedings and nothing else. An application for revision being essentially a criminal proceeding, it is our view that affidavit evidence has no place in such proceedings.

[15] Tujuan semakan adalah untuk membetulkan atau mengelakkan salah laku keadilan (miscarriage of justice) yang mungkin timbul akibat kesilapan dalam pertimbangan oleh mahkamah rendah. Keadilan akan tercapai apabila Mahkamah Tinggi memanggil rekod mahkamah rendah untuk memastikan tiada kesalahan berlaku di mana akibat darinya tertuduh terpaksa melalui pendakwaan yang tidak berasas dan menyusahkan.

[16] Dalam menggunakan bidang kuasa melakukan penyemakan, Hakim Mahkamah Tinggi boleh meminta dikemukakan rekod prosiding di mahkamah rendah sepertimana peruntukan KTJ:

S. 323 Kuasa untuk meminta rekod daripada Mahkamah rendah

(1) Seseorang Hakim boleh meminta dan memeriksa rekod mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah jenayah rendah bagi maksud memuaskan hatinya tentang ketepatan, kesahan atau kesesuaian apa-apa dapatan, hukuman atau perintah yang telah direkodkan atau dijatuhkan, dan tentang keteraturan mana-mana prosiding Mahkamah rendah itu.

[17] Dalam meneliti permohonan semakan ini, mahkamah telah meminta diberikan rekod prosiding di MS untuk memahami latar belakang kes dan meneliti apa yang telah berlaku semasa prosiding di MS. Mahkamah ini telah berpeluang meneliti rekod-rekod berbentuk dokumentar dan juga rakaman audio video RVT semasa HMS memberikan perintah DNAA pada 20 Ogos 2025.

A **Kehadiran Peguam Untuk Prosiding Semakan**

[18] Mahkamah juga telah menggunakan budi bicara untuk menjemput peguam pihak-pihak untuk hadir dan memberikan hujahan ringkas berkenaan permohonan semakan oleh PP walaupun ia bukanlah suatu hak yang termaktub di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 seperti berikut:

B

> S. 36 Akta Mahkamah Kehakiman 1964
>
> Subject to any written law for the time being in force no party shall have any right to be heard before the High Court when exercising its powers of revision and supervision:
>
> C Provided that no final order shall be made to the prejudice of any person unless the person has had an opportunity of being so heard.

[19] Budi bicara mahkamah untuk membenarkan kehadiran pihak-pihak hadir dan mengemukakan hujahan adalah selaras dengan peruntukan s. 326 Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan kebenaran untuk pihak-pihak
D hadir:

> Kebenaran bagi pihak-pihak untuk hadir
>
> 326. Tiada pihak mempunyai apa-apa hak untuk didengar, sama ada sendiri atau melalui peguam bela, di hadapan seseorang Hakim apabila Hakim itu menjalankan kuasa penyemakannya: Dengan syarat bahawa
E Hakim itu boleh, jika difikirkannya patut, apabila menjalankan kuasa itu mendengar mana-mana pihak, sama ada sendiri atau melalui peguam bela, dan bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan menyentuh subseksyen 325(2).

[20] Mahkamah telah memberikan ruang untuk pihak-pihak hadir dan
F berhujah selaras dengan peruntukan yang memberi kebenaran sedemikian agar keadilan dicapai tanpa menjejaskan hak mana-mana pihak, khususnya tertuduh, dalam mahkamah mencapai keputusan berhubungan dengan permohonan semakan:

> G 325(2). Tiada perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat dengan menjejaskan tertuduh melainkan jika dia telah mendapat peluang untuk didengar bagi membela dirinya, sama ada sendiri atau melalui peguam belanya.

[21] Seksyen 326 KTJ perlu dibaca bersama dengan s. 325(2) KTJ kerana kedua-dua peruntukan tersebut menghuraikan s. 36 Akta Kehakiman
H Mahkamah 1964 yang memperuntukkan bahawa tiada pihak mempunyai hak untuk didengar di hadapan Mahkamah Tinggi apabila Mahkamah Tinggi menjalankan kuasa semakannya, dengan syarat bahawa tiada perintah muktamad boleh dibuat sehingga memudaratkan mana-mana pihak melainkan pihak tersebut telah diberi peluang untuk didengar. Oleh itu,
I dalam kes semakan, adalah lebih selamat bagi Mahkamah Tinggi membenarkan kehadiran kedua-dua pihak. Dalam konteks ini, konsep *audi*

alteram partem hendaklah dipertimbangkan, di mana ia membawa maksud bahawa tiada sesiapa boleh dihukum tanpa diberi peluang untuk didengar.

Kuasa Pendakwaan

[22] Mengikut per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan, hanya Peguam Negara, sebagai Pendakwa Raya, mempunyai kuasa untuk mengemukakan sebarang pertuduhan atau dakwaan di mana-mana mahkamah:

> (2) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

[23] Dalam kes *Long Samat & Ors v. PP* [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80; [1974] 2 MLJ 152 Suffian LP (pada ketika itu) telah menghuraikan berkenaan per. 145(3) ini:

> In our view, this clause from the supreme law clearly gives the Attorney-General very wide discretion over the control and direction of all criminal prosecutions. Not only may he institute and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted, and the courts cannot compel him to institute any criminal proceedings which he does not wish to institute or to go on with any criminal proceedings which he has decided to discontinue ... Anyone who is dissatisfied with the Attorney-General's decision not to prosecute, or not to go on with a prosecution or his decision to prefer a charge for a less serious offence when there is evidence of a more serious offence which should be tried in a higher court, should seek his remedy elsewhere, but not in the courts.

[24] Tambahan lagi, s. 376 KTJ jelas memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk mempunyai kawalan dan arahan ke atas semua pertuduhan jenayah:

> (1) Peguam Negara adalah menjadi Pendakwa Raya dan hendaklah mempunyai kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun ini.

[25] Adalah juga menjadi pilihan dan budi bicara eksklusif pihak pendakwaan untuk tidak meneruskan dengan perbicaraan pada mana-mana peringkat perbicaraan. Ini berdasarkan s. 254 KTJ.

[26] Seksyen 254 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> (1) At any stage of any trial, before the delivery of judgment, the Public Prosecutor may, if he thinks fit, inform the Court that he will not further prosecute the accused upon the charge and thereupon all proceedings on the charge against the accused shall be stayed and the accused shall be discharged of and from the same.

A (2) At any stage of any trial before a Sessions Court or a Magistrates Court before the delivery of judgment, the officer conducting the prosecution may, if he thinks fit, inform the Court that he does not propose further to prosecute the accused upon the charge, and thereupon all proceedings on the charge against the accused may be stayed by leave of the Court and, if so stayed, the accused shall be discharged of and from
B the same.

(3) Such discharge shall not amount to an acquittal unless the Court so directs.

Adakah Perintah DNAA Oleh HMS Teratur?

C **[27]** Mahkamah telah meneliti rakaman prosiding yang dijalankan pada 20 Ogos 2025 dan mendapati perkara-perkara berikut:

(i) TPR memaklumkan bahawa pendakwaan bersedia dengan keterangan oleh pegawai tangkapan;

D (ii) HMS bertanyakan TPR sama ada barang kes yang berupa satu telefon bimbit jenis OPPO akan dikemukakan pada hari tersebut;

(iii) TPR mengatakan penjelasan akan diberikan oleh pegawai tangkapan;

(iv) TPR seterusnya mengatakan bahawa mereka memerlukan masa untuk
E mengesan telefon bimbit tersebut yang telah dihantar ke jabatan forensik;

(v) TPR juga mengatakan bersedia untuk berhujah tentang isu tersebut;

(vi) peguam bela pula mengatakan telefon bimbit tersebut mengandungi bukti penting mengenai kes tersebut dan sebelum itu jurusetor gagal
F mengemukakannya kepada mahkamah;

(vii) HMS mengatakan kalau perbicaraan diteruskan tanpa pengemukaan telefon bimbit tersebut, masa mahkamah dan pihak-pihak akan terbuang;

G (viii) HMS juga mengatakan kes ini adalah satu kes tahun 2023 dan memprejudiskan OKT; dan

(ix) HMS juga mengatakan bahawa tanpa telefon bimbit tersebut, pihak-pihak sudah boleh tahu atau mengagak apakah kesudahan kes ini.

H **[28]** Dalam kes *PP v. Zainuddin Sulaiman & Ors* [1986] 1 CLJ 468; [1986] CLJ (Rep) 232, Salleh Abas LP telah menyatakan seperti berikut:

> Since the Attorney General has this power exercisable at his discretion, it is not for the Court to say when the prosecution has to close its case or has to come to an end merely because it is unable to obtain
I a postponement in order to produce evidence which will prove the offence against the accused.

[29] Kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahanan adalah terletak di atas kuasa dan budi bicara Pendakwa Raya. Perkara ini selaras dengan per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama s. 376(1) KTJ. Kuasa ini termaktub dalam s. 254 KTJ yang memperuntukkan bahawa Pendakwa Raya boleh memilih untuk tidak meneruskan pendakwaan ke atas seseorang pada bila-bila masa sebelum mahkamah membuat keputusan dan Pendakwa Raya hendaklah memaklumkannya kepada mahkamah. Berdasarkan makluman tersebut, mahkamah boleh memerintahkan tertuduh untuk dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) dan dalam keadaan tertentu, mahkamah juga mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan perintah pelepasan dan pembebasan (D&A) sepertimana peruntukan oleh s. 254(3) KTJ. Dalam tindakan ini perintah DNAA diberikan oleh HMS tanpa sebarang makluman daripada PP tentang hasrat untuk tidak meneruskan dengan kes selaras dengan s. 254 KTJ. Persoalan timbul sama ada perintah DNAA tersebut adalah teratur menurut undang-undang?

[30] Dalam kes-kes berikut mahkamah telah memberikan perintah DNAA atau D&A selepas menerima makluman dari PP selaras dengan s. 254 KTJ.

[31] Dalam kes *PP v. Syed Abdul Bahari Shahabuddin* [1975] CLJU 137; [1975] 1 LNS 137; [1976] 1 MLJ 87 Abdool Cader J telah mengatakan seperti berikut:

> I would only pause to observe that when there is no reasonable prospect of a case proceeding as a result of the absence of one or more witnesses or for some other cogent reason, then the prosecution should act under the provisions of section 254 of the Criminal Procedure Code. Sub-section (iii) of section 254 specifically enacts that a discharge under that section shall not amount to an acquittal unless the court so directs.
>
> It is settled law that unless there are good grounds to the contrary, a discharge under this provision should amount to an acquittal. Good grounds for a discharge not amounting to an acquittal would arise where the prosecution is unable to proceed for the time being but can satisfy the court that the temporary impediment is not unsurmountable and that it will proceed within a reasonable time.
>
> This seems to be the *raison d'etre* for the scheme providing for a discharge not amounting to an acquittal.

[32] Dalam kes *PP v. Ambika MA Shanmugam* [2019] 7 CLJ 518, pihak pendakwaan telah memohon perintah DNAA namun mahkamah telah membuat perintah D&A menurut s. 254(3) apabila PP telah memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan dengan perbicaraan dan mahkamah telah berkata seperti berikut:

> [2] The prosecution on the date for continuation of the trial informed that it did not want to proceed with the trial and instead applied for discharge not amounting to acquittal (DNAA) of the case. Even after repeated

A questioning by the court as to the reason for such an application, all the learned Deputy Public Prosecutor (DPP) could say was that she was instructed to apply for DNAA.

[3] The learned defense counsel citing s. 254(3) of the Criminal Procedure Code urged the court to grant discharge amounting to acquittal (DAA) citing the old age and bad health of the accused.

B

[33] Adalah jelas dalam kes *Ambika*, pihak PP secara nyata telah memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan dengan perbicaraan dan mahkamah dengan sebetulnya memberikan perintah D&A memandangkan tiada keperluan untuk tertuduh terikat lagi dengan sebarang pertuduhan
C sebaik sahaja dimaklumkan tentang hasrat PP tersebut.

[34] Seterusnya s. 173(g) KTJ memperuntukkan seperti berikut:

173. The following procedure shall be observed by Magistrates in summary trials:

D 173(f)(i) When the case for the prosecution is concluded the Court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused.

(ii) If the Court finds that the prosecution has not made out a *prima facie* case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

E

(g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the Court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the Court it considers the charge to be groundless.

[35] Seksyen 173(f) hanya memperuntukkan tentang D&A di akhir kes PP
F sahaja. Ia tidak menyatakan tentang perintah D&A pada peringkat sebelum dari itu.

[36] Sebaliknya berdasarkan kepada s. 173(g), mahkamah diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah DNAA dalam keadaan mahkamah mendapati pertuduhan ke atas tertuduh tidak berasas (groundless).

G

[37] Dalam kes *Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja v. PP* [2022] 8 CLJ 1, Mahkamah Persekutuan juga telah membincangkan s. 173(g) KTJ seperti berikut:

[17] However, s. 173(g) reserves discretion to the court to discharge an
H accused even before this stage, that is, "at any previous stage of the case" but this is subject to the condition that the court considers the charge to be groundless. Noticeably, s. 173(g) does not expressly provide that such discharge amounts to an acquittal. Arguably, a discharge under s. 173(g) is not an acquittal in which case, fresh proceedings may be initiated for the same offence.

I [18] The scope and purpose of s. 173(g) has been ably explained by Ong CJ in *Chu Chee Peng v. PP* [1973] CLJU 18; [1973] 1 LNS 18; [1973] 2 MLJ 35 and I adopt the same:

Thus, when the whole of s. 173 is viewed in logical order, it will be seen that para. (g) has a good *raison d'etre* for its interposition between paras. (f) and (h) *et seq*. It is to be remembered that the procedure in s. 173 is for summary trials. There are constantly cases coming up in subordinate Courts where the very cornerstone in the prosecution case collapses at an early stage for a variety of reasons. In that event, should the Magistrate continue in the profitless labour of hearing the rest of the prosecution to the bitter end, whilst realising that at the close of the prosecution he would surely have to pronounce a verdict of acquittal? Without the express powers given to him by para. (g) the futile exercise is inevitable. Therefore the paragraph provides that:

> (g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the court it considers the charge to be groundless.

But Magistrates may occasionally be over-hasty; they may have misdirected themselves or fallen into error in other ways, when deciding to dismiss a case without wasting any more time on the prosecution. Accordingly they are required to state their reasons for so doing and, lest their error lead to irremediable consequences, they are authorised only to discharge the accused:

not, be it noted, to "acquit" him.

[19] Similarly, Harun J in *PP v. Hettiarachigae LS Perera* (*supra*) pointed out that in a summary trial, the powers of the magistrate to acquit "can only be exercised either under s. 173(f) at the close of the prosecution case when there is no case to answer or under s. 173(m)(i) at the close of the defence when the court finds the accused not guilty". His Lordship noted that apart from these two provisions, "a magistrate may order a discharge amounting to an acquittal when the Public Prosecutor declines to prosecute further at any stage before delivery of judgment under s. 254 of the Criminal Procedure Code". His Lordship however recognised that the magistrate may discharge under s. 173(g) before the close of the case for the prosecution or s. 173(n) before calling upon an accused to enter upon his defence "but the discharge under these provisions does not amount to an acquittal".

In *Hettiarachigae LS Perera*, Harun J had called the case up for a revision, noting from the record that no evidence for the prosecution had been heard and neither had the prosecution declined to prosecute. All that the prosecution was seeking was an adjournment. In such circumstances, the only power to order a discharge was under s. 173(g) where the magistrate considers the charge to be groundless. On the facts, this was not supported in which case, the decision of the magistrate to discharge and acquit the accused was set aside and the case was remitted to the magistrate for disposal according to the provisions of the CPC.

[38] Berpandukan kes *Vigny* dan kes-kes lain yang berkaitan, HMS hanya mempunyai kuasa untuk memberikan perintah pelepasan (DNAA) dalam keadaan-keadaan berikut:

(i) pada bila-bila masa semasa kes berjalan:

(a) apabila pihak PP memakumkan kepada mahkamah hasrat untuk tidak meneruskan dengan pendakwaan – s. 254(1) dan 254(2) KTJ (dalam keadaan PP tidak ingin meneruskan pertuduhan, mahkamah boleh juga memberikan D&A menurut s. 254(3) KTJ); dan

(b) apabila mahkamah mendapati tuduhan ke atas OKT adalah tidak berasas (groundless) – s. 173(g) KTJ;

(ii) manakala perintah pelepasan dan pembebasan (D&A) dalam keadaan berikut:

(a) di akhir kes pendakwaan apabila mendapati tiada kes *prima facie* terhadap tertuduh – s.173(f) KTJ;

(b) di akhir kes pembelaan apabila mendapati tertuduh tidak bersalah terhadap pertuduhan – s. 173(m)(i) KTJ; dan

(c) dalam keadaan PP tidak ingin meneruskan pertuduhan menurut s. 254(3) KTJ.

[39] Adalah jelas seseorang hakim mahkamah rendah hanya boleh mengeluarkan perintah DNAA atas kuasa sendiri setelah mendapati pertuduhan terhadap tertuduh ke atas tertuduh tidak berasas (groundless) sepertimana peruntukan s. 173(g) KTJ.

[40] Dalam tindakan ini pada peringkat MS, pihak pendakwaan tidak memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan dengan kes mahupun pihak HMS membuat dapatan bahawa pertuduhan ke atas tertuduh adalah tidak berasas (groundless) sepertimana peruntukan s. 173(g) KTJ. Malah pihak pendakwaan bersedia untuk meneruskan perbicaraan pada hari tersebut dengan saksi seterusnya, SP5, iaitu pegawai tangkapan.

[41] Dalam keadaan tersebut sepatutnya HMS meneruskan dengan perbicaraan memandangkan beban pembuktian dan mengemukakan keterangan adalah terletak pada pihak PP selaras s. 103 Akta Keterangan 1950 dan membuat perintah yang sewajarnya di akhir kes pendakwaan. Pendekatan ini adalah lebih praktikal dan lebih menguntungkan kepada OKT berbanding dengan perintah (DNAA) yang meninggalkan OKT dalam keadaan tergantung tanpa tali di mana pada bila-bila masa OKT boleh ditangkap semula dan didakwa semula atas kesalahan yang sama. Keadaan tersebut sepertimana pepatah Inggeris "sword of damocles hanging over the head".

[42] Kes ini bukanlah kes yang terlalu lama seperti yang dinyatakan oleh HMS dan beberapa penangguhan oleh kedua-dua pihak atas alasan kesihatan. Malah HMS sendiri telah menangguhkan perbicaraan atas alasan menghadiri mesyuarat. Kalaupun ada kelewatan, ia perlu dipertimbangkan dengan pertuduhan yang serius terhadap OKT di bawah ATIPSOM.

[43] Berdasarkan analisa, kesimpulan yang boleh dicapai adalah seperti beikut:

(i) pihak PP tidak memohon sebarang penangguhan dan telah bersedia meneruskan kes;

(ii) tiada kelewatan yang ketara dalam tindakan ini yang telah dimulakan pada bulan November 2023 dan penangguhan yang berlaku adalah dengan sebab yang munasabah;

(iii) tiada dapatan oleh HMS bahawa pertuduhan ke atas tertuduh adalah tidak berasas (groundless); dan

(iv) ketiadaan telefon bimbit sebagai bahan bukti perlu dilihat dari 'weight attached to it' berdasarkan tuduhan di bawah ATIPSOM.

[44] Justeru itu, mahkamah ini berpendapat, HMS telah terkhilaf dalam memberikan perintah DNAA yang tidak teratur dan menyalahi peruntukan KTJ.

[45] Mahkamah telah meneliti hujahan bertulis dan lisan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Mahkamah ini tidak dapat menerima hujahan responden yang mengesyorkan agar mahkamah mengambil kira juga peruntukan s. 172B(4) KTJ dalam membuat keputusan permohonan semakan ini memandangkan kes ini tidak melibatkan keperluan memulakan perbicaraan dalam masa tiga bulan selepas OKT dituduh. Kes ini adalah kes separa bicara.

Keputusan

[46] Setelah meneliti dokumen dan rakaman prosiding di mahkamah serta nas undang-undang yang sedia ada, mahkamah mendapati perintah DNAA yang dikeluarkan oleh HMS adalah salah, tidak teratur dan melangkaui bidang kuasa beliau. Justeru itu, adalah wajar bagi mahkamah ini untuk campur tangan dengan menggunakan bidang kuasa semakan yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah.

[47] Oleh yang demikian, mahkamah ini memutuskan seperti berikut:

(i) perintah DNAA oleh hakim bicara diketepikan; dan

(ii) perbicaraan hendaklah diteruskan di hadapan hakim bicara yang baharu.